



PERSEKUTUAN PERKUMPULAN WANITA SARAWAK
(SARAWAK FEDERATION OF WOMEN'S INSTITUTES)

PERLEMBAGAAN

Terbitan Tahun 2019





PERSEKUTUAN PERKUMPULAN WANITA SARAWAK
(SARAWAK FEDERATION OF WOMEN'S INSTITUTES)

PERLEMBAGAAN



Diterbitkan oleh:
Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS)
Sarawak Federation of Women's Institutes (SFWI)
Alamat: Peti Surat 724, 93714 Kuching, Sarawak, Malaysia
Laman Sesawang: <http://www.ppws.org.my>

Terbitan Tahun 2019

Kandungan

	Perkara	Muka Surat
BAHAGIAN I – INDUK		
FASAL 1	Nama	1
FASAL 2	Tempat Urusan	1
FASAL 3	Tujuan/Matlamat	1
FASAL 4	Keahlian	2
FASAL 5	Pemberhentian dan Pemecatan Ahli	3
FASAL 6	Sumber Kewangan	4
FASAL 7	Mesyuarat Perwakilan Induk	4
FASAL 8	Jawatankuasa Induk	7
FASAL 9	Kewajipan-Kewajipan Pegawai Induk	11
FASAL 10	Kewangan	12
FASAL 11	Juruaudit	13
FASAL 12	Pentadbir Harta	14
FASAL 13	Pembubaran	14
BAHAGIAN II- CAWANGAN		
FASAL 14	Penubuhan dan Pembubaran Cawangan	15
FASAL 15	Mesyuarat Perwakilan Cawangan	16
FASAL 16	Jawatankuasa Cawangan	19
FASAL 17	Kewajipan-Kewajipan Pegawai Cawangan	20
FASAL 18	Kewangan Cawangan	21
FASAL 19	Peruntukan-Peruntukan Umum Mengenai Cawangan	23
BAHAGIAN III - UMUM		
FASAL 20	Pindaan Perlembagaan	24
FASAL 21	Tafsiran Perlembagaan	24
FASAL 22	Larangan	24
FASAL 23	Lambang	25
FASAL 24	Dasar	26

BAHAGIAN 1- INDUK

FASAL 1 NAMA

1. Pertubuhan ini dikenali dengan nama Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS).

Selepas ini disebut **“Pertubuhan”**

FASAL 2 TEMPAT URUSAN

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan Pertubuhan ialah:

**Ibu Pejabat PPWS, Tingkat 1, Sublot 1, Lot 68-71,
Jalan Green, 93150 Kuching,
Sarawak, Malaysia.**

dan alamat untuk surat-menyurat adalah

**Peti Surat 724,
93714 Kuching, Sarawak, Malaysia.**

atau tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Induk;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat-menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT

1. Menggalakkan persefahaman dan persahabatan dalam kalangan wanita tanpa mengira kaum, agama dan fahaman politik.
2. Memberi peluang kepada ahli menjalankan kegiatan sosial, ekonomi, pendidikan dan kesihatan bagi kemajuan dan kesejahteraan ahli dan keluarga.

3. Meningkatkan penglibatan dan penyertaan ahli dalam pembangunan Negara.
4. Mengada dan menggalakkan kerjasama di antara ahli.
5. Melibatkan ahli dalam Pertubuhan Wanita di Peringkat Antarabangsa yang bertujuan sama.
6. Memiliki harta seperti tanah, bangunan dan kemudahan lain.
7. Menerima derma atau sumbangan dari mana-mana pihak untuk menjalankan kegiatan.
8. Mengadakan kegiatan mengutip derma untuk Pertubuhan dengan mendapat kelulusan pihak berkuasa terlebih dahulu.

FASAL 4 KEAHLIAN

1. Keahlian Pertubuhan adalah seperti berikut:
 - a. **Ahli Biasa**
 - i. Warganegara: Malaysia
 - ii. Umur: 18 tahun dan ke atas
 - iii. Jantina: Perempuan
 - b. **Ahli Seumur Hidup**

Ahli Biasa boleh memohon menjadi Ahli Seumur Hidup dengan menghantar borang permohonan ke Ibu Pejabat.
2. Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadang dan disokong oleh dua (2) orang ahli dan dihantar kepada Setiausaha Cawangan dan hendaklah mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa Cawangan untuk dipertimbangkan. Jawatankuasa Cawangan boleh mengikut budi bicaranya, menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya. Permohonan menjadi ahli bagi tempat di mana Cawangan belum ditubuhkan, hendaklah diuruskan mengikut kaedah itu juga oleh Setiausaha Kehormat Induk dan Jawatankuasa Induk.

3. Setiap permohonan yang diluluskan hendaklah membayar bayaran masuk dan yuran pertama yang ditetapkan sebagai ahli sah Pertubuhan.
4. Jawatankuasa Induk mempunyai kuasa menetapkan yuran masuksemula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang.

FASAL 5 PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

1. Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan hendaklah memberi kenyataan bertulis dua (2) minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha Cawangan dan menjelaskan segala hutangnya.
2. Mana-mana ahli yang gagal mematuhi Perlembagaan Pertubuhan atau bertindak dengan cara yang akan mencemar nama baik Pertubuhan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi satu tempoh sebagai mana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa Cawangan. Sebelum Jawatankuasa Cawangan memecat atau menggantung keahlian ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan Mesyuarat Agung Cawangan menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

FASAL 6 SUMBER KEWANGAN

1. Bayaran masuk: RM 2.00 (Ringgit Malaysia: Dua Sahaja)
2. Yuran Seumur Hidup RM200.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Sahaja) perlu dijelaskan dalam satu bayaran selepas permohonan diluluskan.

FASAL 7 MESYUARAT PERWAKILAN INDUK

1. Mesyuarat Perwakilan Induk bagi Pertubuhan hendaklah diadakan dalam tempoh dua (2) tahun daripada tarikh Mesyuarat Perwakilan Induk terakhir, pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk.
2. Mesyuarat Perwakilan Induk hendaklah terdiri daripada:
 - a. Ahli-ahli Jawatankuasa Induk,
 - b. Enam (6) wakil dari setiap Cawangan mempunyai hak enam (6) undi,
 - c. Ahli-ahli yang hadir sebagai Pemerhati dari Cawangan boleh menghadiri Mesyuarat Perwakilan Induk tetapi tiada hak bersuara dan mengundi.
3. Ahli Jawatankuasa Induk tidak boleh dipilih menjadi wakil Cawangan. Ahli Jawatankuasa Induk dan wakil-wakil yang hadir berhak mengundi di dalam Mesyuarat Perwakilan Induk.
4. Pengumuman awal Mesyuarat Perwakilan Induk:
 - a. Pengumuman awal mengenai Mesyuarat Perwakilan Induk yang menyatakan tarikh, waktu dan tempat, dan panggilan mengemukakan cadangan untuk perbincangan, cadangan untuk meminda Perlembagaan dan pencalonan untuk pemilihan ahli-ahli Jawatankuasa Induk, hendaklah dikirimkan oleh Setiausaha Kehormat Negeri kepada tiap-tiap Setiausaha Cawangan tidak lewat daripada enam puluh (60) hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat.

- b. Pengumuman ini hendaklah ditunjukkan supaya jelas kelihatan di tempat urusan Pertubuhan yang telah didaftarkan. Tiap-tiap Jawatankuasa Cawangan hendaklah mengadakan Mesyuarat Perwakilan Cawangan tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari setelah menerima pengumuman awal itu.
 - c. Nama-nama wakil pencalonan untuk pemilihan Ahli Jawatankuasa Induk dan cadangan untuk dibincangkan di dalam Mesyuarat Perwakilan Induk hendaklah dihantar oleh Setiausaha Cawangan atau ahli-ahli secara individu supaya sampai kepada Setiausaha Kehormat Induk tidak lewat daripada empat puluh (40) hari selepas penerimaan pengumuman awal mesyuarat.
5. Notis Mesyuarat Perwakilan Induk:
- a. Setiausaha Kehormat Induk hendaklah menghantar kepada Setiausaha Cawangan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum diadakan Mesyuarat Perwakilan Induk satu notis termasuk salinan Minit Mesyuarat dan Laporan Aktiviti Tahunan, cadangan dan pencalonan untuk pemilihan Ahli Jawatankuasa Induk beserta dengan Penyata Kewangan Pertubuhan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan dokumen-dokumen ini hendaklah diberikan kepada tiap-tiap wakil Cawangan dan salinan dokumen itu boleh diperolehi untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan Pertubuhan atau di Pejabat-Pejabat Cawangan.

6. Kerja-kerja Mesyuarat Perwakilan Induk:
 - a. Menerima Laporan Pengerusi Negeri berkenaan perjalanan Pertubuhan yang lalu;
 - b. Menerima Laporan Bendahari dan Penyata Kewangan yang telah diaudit;
 - c. Memilih Pengerusi Negeri, Timbalan Pengerusi, Naib Pengerusi, Bendahari dan;
 - d. Menerima pelantikan wakil Cawangan ke Jawatankuasa Induk;
 - e. Melantik Juruaudit Dalaman dan Luaran;
 - f. Menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat tersebut.
7. Setiausaha Kehormat Negeri hendaklah menghantar kepada semua Setiausaha Cawangan salinan Minit Mesyuarat tiap-tiap Mesyuarat Perwakilan Induk atau Mesyuarat Perwakilan Khas Induk dalam tempoh tiga (3) bulan setelah selesainya mesyuarat.
8. Mesyuarat Perwakilan Khas Induk
Mesyuarat Perwakilan Khas Induk bagi Pertubuhan ini boleh diadakan:
 - a. Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa Induk, atau;
 - b. Atas permintaan bertulis oleh ahli-ahli Jawatankuasa bagi dua (2) Cawangan atau lebih dengan menerangkan tujuan-tujuan dan sebab-sebab mengadakannya;
 - c. Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Perwakilan Khas Induk itu hendaklah diedarkan kepada semua Setiausaha Cawangan oleh Setiausaha Kehormat Negeri sekurang-kurangnya lima belas (15) hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk mesyuarat.

9. Kuorum

- a. Kuorum untuk Mesyuarat Perwakilan Induk dan Mesyuarat Perwakilan Khas Induk dianggap cukup jika wakil-wakil yang hadir berjumlah lebih daripada setengah ($1/2$) bilangan Cawangan-Cawangan.
- b. Jika kuorum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh (tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk; dan jika kuorum tidak cukup selepas setengah jam dari waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka berkuasalah wakil-wakil yang hadir menjalankan mesyuarat pada hari itu tetapi tidaklah berkuasa meminda Perlembagaan Pertubuhan.

FASAL 8 JAWATANKUASA INDUK

1. Jawatankuasa Induk hendaklah terdiri daripada:
 - a. Seorang Pengerusi Negeri;
 - b. Seorang Timbalan Pengerusi;
 - c. Seorang Naib Pengerusi;
 - d. Seorang Setiausaha Kehormat Negeri;
 - e. Seorang Bendahari; dan
 - f. Sepuluh (10) orang Ahli Jawatankuasa Biasa yang dilantik oleh Cawangan
2. Setiausaha Kehormat Negeri hendaklah dilantik oleh Pengerusi Negeri dengan persetujuan Jawatankuasa Induk dan memegang jawatannya selama dua (2) tahun. Beliau boleh dilantik semula kecuali diberhentikan atau meletakkan jawatan.

3. Seseorang boleh memegang jawatan Pengerusi Negeri, Timbalan Pengerusi, Naib Pengerusi dan Bendahari di peringkat Induk selama satu (1) penggal sahaja melainkan jika mereka dicalonkan semula untuk satu (1) penggal lagi. Mereka tidak boleh dicalon lagi selepas dua (2) penggal berturut-turut. Pemilihan perlu dilakukan secara undian dan calon-calon mestilah warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak.
4. Fungsi Jawatankuasa Induk ialah:
 - a. Mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Pertubuhan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Perwakilan Induk;
 - b. Jawatankuasa Induk tidak boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Perwakilan Induk dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya;
 - c. Jawatankuasa Induk mestilah sentiasa mematuhi keputusan Mesyuarat Perwakilan Induk;
 - d. Jawatankuasa Induk hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatan-kegiatannya dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Perwakilan Induk;
 - e. Jawatankuasa Induk hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua belas (12) kali dalam setahun. Notis bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli Jawatankuasa Induk tujuh (7) hari terlebih dahulu;
 - f. Pengerusi dengan bersendirian atau tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli Jawatankuasa Induk bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan Mesyuarat Jawatankuasa Induk pada bila-bila masa;

- g. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli-ahli Jawatankuasa Induk hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan kuorum mesyuarat;
 - h. Jawatankuasa Induk boleh memberi perintah kepada Setiausaha Kehormat Negeri dan ahli dalam Jawatankuasa Induk untuk menjalankan urusan-urusan Pertubuhan dan melantik Setiausaha Eksekutif dan kakitangan yang difikirkan mustahak. Jawatankuasa Induk boleh menggantung atau melucutkan jawatan Setiausaha Eksekutif atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, tidak setia, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa Induk atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Pertubuhan;
 - i. Jawatankuasa Induk boleh menubuhkan Jawatankuasa Kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang ahli dalam Jawatankuasa Induk;
 - j. Jawatankuasa Induk yang lama hendaklah menyerahkan semua dokumen Pertubuhan seperti Sijil Pendaftaran, Perlembagaan Berdaftar, salinan Penyata Tahunan, surat-surat maklum balas, buku-buku akaun, buku bank, cek dan resit, geran-geran tanah, senarai aset dan sebagainya kepada Jawatankuasa Induk baru;
 - k. Penaung dan Penasihat Pertubuhan boleh dilantik untuk tempoh jangkamasa yang ditentukan oleh Jawatankuasa Induk.
5. Pengerusi Negeri boleh melantik dua (2) orang Ahli Dilantik yang bukan terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Induk dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis. Walau bagaimanapun, mereka tidak dikira dalam menentukan kuorum dan tidak boleh mengundi.

6. Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan, dan Mesyuarat Jawatankuasa Induk tidak dapat diadakan, maka bolehlah Setiausaha Kehormat Negeri mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Induk secara pendedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut hendaklah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa Induk boleh dianggap sebagai telah diterima:
 - a. Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dinyatakan dengan terperinci di dalam surat pekeliling yang didedarkan kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa Induk;
 - b. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli-ahli Jawatankuasa Induk mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap cadangan itu; dan
 - c. Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak. Sebarang keputusan yang diperolehi melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha Kehormat Negeri kepada Mesyuarat Jawatankuasa Induk berikutnya untuk disah dan dicatat di dalam Minit Mesyuarat.
7. Ahli Jawatankuasa Induk yang mungkir menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Induk tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan.
8. Jika seorang ahli Jawatankuasa Induk meninggal dunia atau meletak jawatan, calon kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Jawatankuasa Induk melantik ahli Pertubuhan yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Perwakilan Induk diadakan.

FASAL 9 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI INDUK

1. Tanggungjawab Pengerusi Negeri ialah:
 - a. Bertanggungjawab di atas kesempurnaan pentadbiran, perjalanan dan hal ehwal Pertubuhan secara keseluruhannya.
 - b. Pengerusi Negeri dalam tempoh memegang jawatannya hendaklah menjadi Pengerusi dalam Mesyuarat Perwakilan Induk dan dalam semua Mesyuarat Jawatankuasa Induk dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Sekiranya beliau tidak hadir, Timbalan Pengerusi atau Naib Pengerusi akan mempengerusikan mesyuarat tersebut.
 - c. Pengerusi Negeri mempunyai undi pemutus dan hendaklah dia menandatangani Minit Mesyuarat bila telah diluluskan.
2. Timbalan Pengerusi hendaklah memangku jawatan Pengerusi Negeri semasa ketiadaannya.
3. Naib Pengerusi hendaklah memangku jawatan Timbalan Pengerusi Negeri semasa ketiadaannya.
4. Setiausaha Kehormat Negeri hendaklah menjalankan kerja-kerja Pertubuhan mengikut Perlembagaan dan hendaklah menjalankan perintah Mesyuarat Perwakilan Induk dan Jawatankuasa Induk. Dia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua rekod dan dokumen Pertubuhan kecuali buku-buku akaun dan dokumen kewangan. Dia hendaklah menyimpan Buku Daftar Ahli yang mengandungi maklumat terperinci ahli mengikut kategori seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah kediaman tiap-tiap ahli. Dia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat.

5. Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Pertubuhan. Dia hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya di atas ketepatan Penyata Kewangan Pertubuhan yang terdiri daripada Penyata Penerimaan dan Perbelanjaan serta Kunci Kira-Kira.
6. Ahli-ahli Jawatankuasa Induk hendaklah membantu menjalankan sebarang tugas/aktiviti yang diarahkan dari semasa ke semasa.

FASAL 10 KEWANGAN

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan ini, wang Pertubuhan boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan Jawatankuasa dan kakitangan yang bergaji serta upah Juruaudit.
2. Bendahari Induk dibenarkan menyimpan wang dalam tangan tidak lebih daripada RM200.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Sahaja) pada satu-satu masa.
3. Wang untuk Pertubuhan yang diterima oleh Bendahari mestilah dimasukkan ke akaun Pertubuhan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.
4. Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang daripada akaun Pertubuhan mestilah ditandatangani oleh Bendahari Induk bersama salah seorang sama ada Pengerusi Negeri, Timbalan Pengerusi atau Naib Pengerusi.
5. Perbelanjaan yang lebih daripada RM5,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ribu Sahaja) bagi satu-satu masa tidak boleh dilakukan tanpa kelulusan Jawatankuasa Induk. Perbelanjaan yang tidak lebih daripada RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus sahaja) boleh diluluskan bersama Pengerusi Negeri, Setiausaha Kehormat

Negeri dan Bendahari. Perbelanjaan yang melebihi RM15,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Belas Ribu Sahaja) bagi satu-satu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kelulusan Mesyuarat Perwakilan Induk terlebih dahulu.

6. Penyata Kewangan bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Juruaudit yang dilantik di bawah Fasal 11 Perlembagaan ini setelah tamat tahun kewangan.
7. Tahun Kewangan Pertubuhan ini hendaklah bagi tempoh dua belas (12) bulan iaitu bermula dari Januari hingga Disember.

FASAL 11 JURUAUDIT

1. Seorang yang bukannya Pegawai Pertubuhan boleh dilantik di dalam Mesyuarat Perwakilan Induk sebagai Juruaudit selama dua (2) tahun. Mereka hanya boleh dilantik semula selepas direhatkan pada penggal seterusnya.
2. Juruaudit adalah dikehendaki memeriksa Penyata Kewangan Pertubuhan dan Cawangan-Cawangan bagi setahun. Juruaudit hendaklah membuat perakuan dan menandatangani Penyata Kewangan tersebut untuk pertimbangan Mesyuarat Perwakilan Induk dan Mesyuarat Perwakilan Cawangan. Mereka juga dikehendaki bila-bila masa oleh Pengerusi Negeri mengaudit Penyata Kewangan Pertubuhan atau Cawangan-Cawangan pada bila-bila masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Cawangan.

FASAL 12 PENTADBIR HARTA

1. Segala harta tidak alih Pertubuhan hendaklah didaftarkan atas nama Pertubuhan dan segala surat cara pelaksanaan berkaitan dengan harta ini dianggap sah dan berkuatkuasa seolah-olah ianya telah dilaksanakan oleh seorang tuan punya berdaftar dengan syarat surat cara itu disempurnakan oleh tiga (3) orang pemegang jawatan Pertubuhan pada masa itu yang mana pelantikan mereka disahkan melalui Sijil Perakuan yang dikeluarkan oleh Pendaftar Pertubuhan dan dimeterai dengan meteri Pertubuhan.
2. Harta tidak alih Pertubuhan tidak boleh dijual, digadai, ditarik balik atau ditukar milik tanpa persetujuan Mesyuarat Perwakilan Induk.

FASAL 13 PEMBUBARAN

1. Pertubuhan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima (3/5) jumlah semua wakil Cawangan/ahli yang berhak mengundi di dalam suatu Mesyuarat Perwakilan Induk yang dipanggil khas kerananya.
2. Sekiranya Pertubuhan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan Pertubuhan yang sah mengikut Perlembagaan hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui di dalam Mesyuarat Perwakilan Induk berkenaan.
3. Kenyataan mengenai pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa empat belas (14) hari daripada tarikh pembubaran itu.

BAHAGIAN II - CAWANGAN

FASAL 14 PENUBUHAN DAN PEMBUBARAN CAWANGAN

1. Jawatankuasa Induk boleh membenarkan penubuhan Cawangan di Kawasan yang mempunyai sekurang-kurangnya lima ratus (500) orang ahli Pertubuhan. Penubuhan Cawangan hendaklah dibenarkan secara bertulis oleh Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.
2. Jawatankuasa Induk boleh membubarkan Cawangan jika Cawangan tidak mematuhi Perlembagaan Pertubuhan atau keputusan Mesyuarat Perwakilan Induk atau jika Jawatankuasa Induk mendapatinya bersalah kerana perbuatannya mencemarkan Pertubuhan.
3. Keputusan membubarkan Cawangan hendaklah dengan undi terbanyak di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk dengan syarat sebelum diambil keputusan membubarkan Cawangan atas sebab yang disebutkan di dalam Fasal 14 (2) di atas, Cawangan yang berkenaan hendaklah diberi satu notis selama tiga puluh (30) hari terlebih dahulu dan diberi peluang untuk menjawab tuduhan-tuduhan tersebut.
4. Perintah pembubaran hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Kehormat Negeri. Cawangan tidak boleh bergerak mulai dari tarikh penerimaan perintah tersebut kecuali untuk urusan penyelesaian. Sebarang Cawangan yang musykil atas perintah pembubaran boleh dengan kenyataan bertulis kepada Setiausaha Kehormat Negeri di dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh penerimaan perintah tersebut, membuat rayuan kepada Mesyuarat Perwakilan Induk. Walaupun rayuan telah dibuat namun perintah pembubaran masih berkuatkuasa sehingga dibatalkan tetapi di dalam keadaan yang sedemikian Jawatankuasa Induk boleh melantik satu Jawatankuasa Penjaga (Protem) daripada ahli-ahli untuk menguruskan hal ehwal Cawangan itu sementara rayuan tersebut dipertimbangkan.

5. Jika Cawangan ditutup kerana sebab yang disebutkan dalam Fasal 14 (2) di atas, maka Jawatankuasa Induk hendaklah memindahkan ahli-ahli yang ada kepada Cawangan yang hampir sekali dan jika Cawangan ditutup kerana sebab di dalam peraturan 14 (2) di atas, maka ahli-ahli akan terhenti menjadi ahli Pertubuhan.
6. Adalah menjadi kewajipan Pengerusi, Setiausaha Kehormat dan Bendahari bagi Cawangan itu menyerahkan kepada Setiausaha Kehormat Negeri segala buku, rekod, wang dan harta-harta lainnya yang dimiliki oleh Cawangan beserta dengan Penyata Kewangan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari sehingga tarikh perintah pembubaran.
7. Jika ahli-ahli Cawangan memutuskan hendak keluar daripada Pertubuhan, maka Ahli Jawatankuasa Cawangan itu dengan serta merta mestilah menyerahkan kepada Setiausaha Kehormat Negeri segala buku, rekod, wang dan harta-harta lain Pertubuhan dan seterusnya menyedia dan menyerahkan Penyata Kewangan dalam tempoh tujuh (7) hari kepada Setiausaha Kehormat Induk seperti di dalam Fasal 14 (6) di atas.

FASAL 15 MESYUARAT PERWAKILAN CAWANGAN

1. Mesyuarat Perwakilan Cawangan akan diadakan tidak lewat daripada enam puluh (60) hari selepas menerima pemberitahu awal mengenai Mesyuarat Perwakilan, supaya pemberitahu mengenai masa, tarikh dan tempat Mesyuarat Perwakilan Cawangan akan dikeluarkan dengan sewajarnya.
2. Kerja-kerja Mesyuarat Perwakilan Cawangan ialah untuk:
 - a. Menerima Laporan Pengerusi;
 - b. Menerima Laporan Bendahari Cawangan dan Penyata Kewangan Cawangan yang telah diaudit;
 - c. Memilih Jawatankuasa Cawangan;

- d. Memilih perwakilan dan pemerhati ke Mesyuarat Perwakilan Induk;
 - e. Menerima Pencalonan dua (2) orang wakil Cawangan ke Jawatankuasa Induk.
 - f. Memilih Juruaudit Cawangan;
 - g. Membincangkan perkara-perkara lain yang akan dibentangkan.
3. Setiausaha Cawangan hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk Mesyuarat Perwakilan Cawangan pemberitahu awal menyatakan tarikh, waktu dan tempat mesyuarat, panggilan mengemukakan cadangan untuk perbincangan dan pencalonan untuk pemilihan Ahli Jawatankuasa Cawangan.
 4. Pencalonan untuk pemilihan Ahli Jawatankuasa dan cadangan untuk perbincangan di dalam Mesyuarat Perwakilan Cawangan hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Cawangan tidak lewat daripada tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Perwakilan Cawangan.
 5. Setiausaha Cawangan hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum diadakan Mesyuarat Perwakilan Cawangan, satu agenda termasuk salinan Minit Mesyuarat dan Laporan Aktiviti tahunan beserta dengan Penyata Kewangan Cawangan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan dokumen-dokumen ini juga boleh diperolehi untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan Cawangan.
 6. Kuorum
 - a. Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada jumlah ahli-ahli Cawangan yang berhak mengundi atau dua kali ganda jumlah Ahli Jawatankuasa Cawangan, mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Perwakilan Cawangan bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi kuorum untuk mesyuarat.

- b. Jika kuorum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh [tidak lebih daripada tujuh (7) hari] yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Cawangan dan jika kuorum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka ahli-ahli berkuasa menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.
7. Satu Mesyuarat Perwakilan Khas Cawangan hendaklah diadakan:
 - a. Atas arahan Jawatankuasa Induk; atau
 - b. Apabila Jawatankuasa Cawangan memikirkannya mustahak;
 - c. Atas permintaan bertulis tidak kurang daripada setengah ($\frac{1}{2}$) ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan yang berhak mengundi dengan menyatakan tujuan dan sebab untuk mengadakan mesyuarat itu.
8. Mesyuarat Perwakilan Khas Cawangan atas permintaan ahli-ahli hendaklah diadakan dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat.
9. Fasal 16 (6a) dan 16 (6b) di dalam Perlembagaan ini berkenaan kuorum dan penangguhan Mesyuarat Perwakilan Cawangan boleh digunakan untuk Mesyuarat Perwakilan Khas Cawangan tetapi dengan syarat jika kuorum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang ditetapkan bagi Mesyuarat Perwakilan Khas Cawangan atas permintaan ahli-ahli tersebut, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh ini Mesyuarat Perwakilan Khas Cawangan atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

10. Setiausaha Cawangan hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli dan Setiausaha Kehormat Negeri satu salinan Minit Mesyuarat Perwakilan Cawangan atau Mesyuarat Perwakilan Khas Cawangan dalam tempoh tiga (3) bulan selesainya mesyuarat.

FASAL 16 JAWATANKUASA CAWANGAN

1. Jawatankuasa Cawangan hendaklah terdiri daripada:
 - a. Seorang Pengerusi Cawangan;
 - b. Seorang Timbalan Pengerusi Cawangan;
 - c. Seorang Naib Pengerusi Cawangan;
 - d. Seorang Setiausaha Cawangan;
 - e. Seorang Bendahari Cawangan; dan
 - f. Lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Biasa yang dilantik oleh Cawangan
2. Semua ahli yang berkhidmat di dalam Jawatankuasa Cawangan dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas-tugas eksekutif dalam Cawangan hendaklah Warganegara Malaysia dan bermastautin di Sarawak.
3. Jawatan Setiausaha Cawangan hendaklah dilantik oleh Pengerusi Cawangan dengan persetujuan Jawatankuasa Cawangan dan memegang jawatannya selama dua (2) tahun kecuali beliau diberhentikan atau meletakkan jawatan.
4. Seseorang hanya boleh memegang jawatan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Naib Pengerusi dan Bendahari di peringkat Cawangan selama satu (1) penggal sahaja melainkan jika mereka dicalonkan semula. Mereka tidak boleh dicalon lagi selepas dua (2) penggal berturut-turut.
5. Fungsi Jawatankuasa Cawangan ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Cawangan mengikut Perlembagaan Pertubuhan dan arahan-arahan Jawatankuasa Induk dan Mesyuarat Perwakilan Induk.

6. Jawatankuasa Cawangan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali dalam setahun. Notis bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli Jawatankuasa Cawangan tujuh (7) hari terlebih dahulu. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan kuorum mesyuarat.
7. Setiausaha Cawangan akan memberi satu salinan minit tiap-tiap Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan kepada Setiausaha Kehormat Negeri tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas mesyuarat itu diadakan.

FASAL 17 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI CAWANGAN

1. Pengerusi Cawangan:
 - a. Bertanggungjawab di atas kesempurnaan pentadbiran, perjalanan dan hal ehwal Cawangan secara keseluruhannya.
 - b. Pengerusi Cawangan dalam tempoh memegang jawatannya hendaklah menjadi Pengerusi semua Mesyuarat Perwakilan Cawangan dan semua Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Sekiranya beliau tidak hadir, Timbalan Pengerusi Cawangan atau Naib Pengerusi Cawangan akan mempengerusikan mesyuarat tersebut.
 - c. Pengerusi Cawangan mempunyai undi pemutus dan hendaklah dia menandatangani Minit Mesyuarat bila telah diluluskan.
2. Timbalan Pengerusi Cawangan hendaklah memangku jawatan Pengerusi Cawangan semasa ketiadaannya.

3. Naib Pengerusi Cawangan hendaklah memangku jawatan Timbalan Pengerusi Cawangan semasa ketiadaannya.
4. Setiausaha Cawangan hendaklah menjalankan kerja-kerja Cawangan mengikut Perlembagaan dan hendaklah menjalankan perintah Mesyuarat Perwakilan Cawangan dan Jawatankuasa Cawangan. Dia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua rekod dan dokumen Cawangan kecuali buku akaun dan dokumen kewangan. Setiausaha Cawangan hendaklah menyimpan Buku Daftar Ahli yang mengandungi maklumat terperinci ahli mengikut kategori seperti nama, tempat lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah kediaman tiap-tiap ahli. Dia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat.
5. Bendahari Cawangan adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Cawangan. Dia hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya di atas ketepatan Penyata Kewangan Cawangan yang terdiri daripada Penyata Penerimaan dan Perbelanjaan serta Kunci Kira-Kira.
6. Ahli-Ahli Jawatankuasa Cawangan hendaklah membantu Jawatankuasa Cawangan menjalankan sebarang tugas/aktiviti yang diarah dari semasa ke semasa.

FASAL 18 KEWANGAN CAWANGAN

1. Semua wang kutipan Cawangan-Cawangan adalah hak milik Cawangan masing-masing.
2. Mesyuarat Perwakilan Cawangan akan menentukan dari semasa ke semasa peratusan kadar yuran yang akan disimpan di Cawangan sebagai hak milik wang Cawangan dan akan menetapkan jenis-jenis perbelanjaan yang akan menggunakan wang Cawangan.

3. Bendahari Cawangan akan menyampaikan kepada Bendahari Induk sekali setahun satu Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan serta Kunci Kira-Kira Cawangan.
4. Bendahari Cawangan dibenarkan menyimpan wang tunai tidak lebih daripada RM200.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Sahaja) pada satu-satu masa.
5. Wang untuk Pertubuhan yang diterima oleh Bendahari Cawangan mestilah dimasukkan ke akaun Cawangan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.
6. Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang daripada akaun Cawangan mestilah ditandatangani oleh Bendahari Cawangan bersama Pengerusi Cawangan, Timbalan Pengerusi Cawangan atau Naib Pengerusi Cawangan.
7. Perbelanjaan di peringkat Cawangan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan.
8. Penyata Kewangan bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari Cawangan dan diperiksa oleh Juruaudit yang dilantik di bawah Fasal 11 Perlembagaan ini dengan seberapa segeranya setelah tamat tahun kewangan. Penyata Kewangan yang telah diaudit itu hendaklah diedar untuk makluman ahli-ahli dan dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Perwakilan Cawangan yang berikutnya. Setiap salinan tersebut hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di alamat tempat urusan Pertubuhan yang berdaftar.
9. Tahun Kewangan Pertubuhan ini hendaklah bagi tempoh dua belas (12) bulan iaitu bermula dari Januari hingga Disember.

10. Semua wang, buku dan harta-harta lain Pertubuhan yang dipegang oleh mana-mana Cawangan yang telah dibubarkan akan dihantar dengan segera oleh Setiausaha Cawangan kepada Setiausaha Kehormat Negeri bersama-sama dengan Penyata Kewangan sebagaimana dinyatakan pada Fasal 14 (6) dan 14 (7).

FASAL 19 PERUNTUKAN-PERUNTUKAN UMUM MENGENAI CAWANGAN

1. Di mana peruntukan khas tiada disebut di dalam Perlembagaan ini bagi perkara-perkara berhubung dengan pentadbiran Cawangan-Cawangan Pertubuhan, Perlembagaan yang berkenaan mengenai pentadbiran Ibu Pejabat Pertubuhan akan diikuti sejauh mana yang sesuai.
2. Mesyuarat Perwakilan Induk dan Jawatankuasa Induk akan memberi arahan kepada Mesyuarat Perwakilan Cawangan atau Jawatankuasa Cawangan mengenai pentadbirannya.

BAHAGIAN III – UMUM

FASAL 20 PINDAAN PERLEMBAGAAN

Perlembagaan ini tidak boleh dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Perwakilan Induk. Permohonan untuk pindaan Perlembagaan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Perwakilan Induk meluluskan pindaan itu dan hanya boleh berkuatkuasa mulai daripada tarikh pindaan-pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 21 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN

1. Dalam tempoh di antara dua Mesyuarat Perwakilan, Jawatankuasa Induk boleh memberikan tafsirannya kepada Perlembagaan ini dan Jawatankuasa Induk jika perlu boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam Perlembagaan ini.
2. Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat di dalam Mesyuarat Perwakilan Induk, keputusan Jawatankuasa Induk ke atas ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Perwakilan Induk.

FASAL 22 LARANGAN

1. Sebarang bentuk perjudian seperti yang ditafsirkan dalam Akta Rumah Judi Terbuka 1953 adalah dilarang di premis Pertubuhan.
2. Pertubuhan atau ahli-ahlinya tidak harus mencuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti definisi dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959.

3. Pertubuhan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak atas nama Pertubuhan atau pegawai-pegawainya atau Jawatankuasa atau ahli tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.
4. “Faedah” seperti yang ditafsirkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966 tidaklah boleh diberi oleh Pertubuhan kepada mana-mana ahlinya.
5. Semua wang keuntungan yang didapati oleh Pertubuhan ini hasil daripada penyertaannya dalam kegiatan ekonomi hendaklah disalurkan kembali kepada Pertubuhan bagi mencapai matlamat Pertubuhan ini dan tidak boleh digunakan untuk membayar faedah, keuntungan atau bonus kepada mana-mana ahli Pertubuhan. Sungguhpun begitu, peruntukan ini tidak menghalang sebarang pembayaran gaji dan perbelanjaan pentadbiran atau kedua-duanya kepada mana ahli atau pekerja Pertubuhan.

FASAL 23 LAMBANG

1. Lambang



2. Keterangan

- a. Lambang Pertubuhan merupakan seekor burung kenyalang putih berlatarbelakangkan satu bulatan kuning yang mengandungi jejari hitam menemui satu bulatan kecil putih di tengah-tengah bulatan kuning. Di bawah burung kenyalang terdapat reben merah yang tertulis nama pertubuhan.

b. Maksud Lambang:

- i. Burung Kenyalang membawa maksud kebanggaan dan keunggulan Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak.
- ii. Bulatan kuning membawa maksud perpaduan dan keharmonian wanita di negeri Sarawak.
- iii. Jejeri hitam menemui satu bulatan kecil putih membawa maksud wanita berbilang kaum yang berwawasan tinggi dan bekerjasama dalam meningkatkan taraf hidup.
- iv. Reben merah melambangkan ikatan mesra di antara ahli.

FASAL 24 DASAR

Dasar Pertubuhan ini ialah kemurnian, persaudaraan, persefahaman dan keadilan.



